

USIM, UMS anjur pemilihan taekwondo

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjur Kejohanan Taekwondo Pemilihan IPT Malaysia di Stadium Tertutup Nilai mulai esok sehingga Ahad ini.

UMS adalah Pusat Kece-merlangan Sukan Taekwondo Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) manakala USIM adalah Pusat Sukan Tumpuan Taekwondo KPT.

Kejohanan julung kali ini adalah persiapan awal bagi menyediakan atlet taekwondo terbaik di kalangan pelajar IPT seluruh negara termasuk IPT swasta, politeknik dan kolej komuniti untuk menghadapi Kejohanan Sukan Universiti ASEAN (AUG) ke-16 di Laos pada 12 hingga 22 Disember depan.

Kejohanan pemilihan ini bakal mempertandingkan dua kategori utama, Koryugi (tempur) dan Poomsae (seni). Lebih 150 atlet bakal terbabit dengan 21 pingat emas jadi taruhan.